



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SOALAN LAZIM (FAQ's) PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN EKONOMI – SEKTOR PERUNCITAN / RETAIL INDUSTRY VACCINATION PROGRAMME (RiVAC)

SOALAN UMUM

1. Apakah itu *Retail Industry Vaccination Programme* (RiVAC)?

Program ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam bentuk kerjasama strategik awam – swasta untuk mempercepatkan proses vaksinasi dalam kalangan pekerja-pekerja bawah sektor peruncitan bagi membantu mencapai 80% imuniti kelompok (*herd immunity*) di negara ini.

KPDNHEP telah ditugaskan untuk menyelaraskan program RiVAC ini yang merupakan sebahagian daripada Program Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN).

2. Siapakah yang layak menyertai program ini?

Semua pemain industri dan pekerja di bawah sektor peruncitan di bawah seliaan KPDNHEP adalah layak dan digalakkan menyertai program ini.

3. Bagaimana syarikat saya boleh menyertai program ini? Apakah prosedur pendaftaran?

Syarikat yang berminat untuk menerima vaksin bawah RiVAC perlu mengemukakan permohonan melalui laman web KPDNHEP (<https://rov.kpdnhep.gov.my/rov>). Hanya maklumat yang telah **lengkap** diisi sahaja akan diproses oleh KPDNHEP dan diserahkan kepada Jawatankuasa CITF-Sektor Ekonomi untuk penilaian.

4. Apakah jenis vaksin yang akan disediakan?

Vaksin yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. **Bilakah RiVAC akan bermula?**

Program akan bermula pada bulan 26 Julai 2021. Syarikat yang berminat adalah diminta mengemukakan maklumat kepada KPDNHEP dengan **kadar segera** untuk tujuan penyelarasan.

6. **Sekiranya saya tiada tempat untuk menubuhkan PPVIN dan saya bukan penyewa atau pekerja PPVIN sedia ada, adakah saya boleh menyertai program ini di PPVIN berhampiran?**

Boleh. KPDNHEP akan membantu syarikat untuk mendapatkan vaksin di PPVIN berhampiran setelah pendaftaran penerima diluluskan.

7. **Adakah wakil syarikat perlu hadir semasa sesi pendaftaran vaksinasi pekerja?**

Ya. Wakil syarikat akan menguruskan pendaftaran pekerja di kaunter pendaftaran (stesen 2).

8. **Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa temujanji vaksinasi di PPVIN?**

- **Pekerja Tempatan** :Pekerja perlu membawa Kad Pengenalan **ASAL dan kad/pas pekerja** semasa tarikh temujanji.
- **Pekerja Asing** :Dokumen **ASAL** Pengenalan Diri (*Passport*) **dan kad/pas pekerja** setiap pekerja asing **WAJIB** dipegang oleh wakil syarikat sahaja semasa tarikh temujanji.

9. **Sekiranya pekerja saya telah berdaftar untuk program vaksin sebelum ini, adakah pekerja saya masih boleh menyertai RiVAC?**

Sekiranya pekerja anda telah berdaftar di bawah program opt-in untuk vaksin AstraZeneca sebelum ini, pekerja anda **tidak layak** untuk Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi – Sektor Peruncitan (RiVAC). Bagi yang telah berdaftar di bawah PICK fasa kedua atau ketiga melalui MySejahtera, pekerja anda masih layak untuk menyertai program ini.

10. **Apakah kriteria bagi seorang pekerja untuk layak didaftarkan sebagai penerima vaksin covid19 ini?**

- Berumur 18 tahun dan keatas;
- Bersetuju menerima vaksin ini secara sukarela;
- Tidak pernah menerima sebarang suntikan vaksin covid19;
- Tidak berstatus positif covid19 atau berstatus kontak rapat semasa hari temujanji vaksinasi tersebut;
- Bagi mereka yang pernah mempunyai sejarah positif jangkitan covid19, suntikan dos pertama vaksin hanya boleh diberikan selepas 3 bulan daripada tarikh jangkitan tersebut.

11. Adakah program ini termasuk Sabah dan Sarawak?

YA. Program ini akan dilaksanakan di semua negeri.

SOALAN OPERASI

12. Apa syarat-syarat yang perlu dipenuhi sekiranya saya ingin menubuhkan PPVIN di tempat kerja saya?

Syarikat yang berminat untuk menubuhkan Pusat Pemberian Vaksin Sektor Peruncitan (RiVAC) dan mempunyai 1,500 orang pekerja dan boleh mengemukakan kertas cadangan kepada KPDNHEP. Maklumat yang diperlukan termasuk maklumat syarikat, senarai pekerja, cadangan tapak, keluasan, kapasiti, cadangan penyimpanan vaksin, cadangan proses kerja, cadangan SOP, pelan lantai, sukarelawan, pasukan sokongan kesihatan, doktor panel dan lain-lain maklumat yang berkaitan. Sila rujuk templat PPVIN di **Lampiran A**. Adalah diingatkan bahawa kesemua kos penubuhan PPVIN adalah **ditanggung** oleh syarikat.

13. Di manakah saya boleh mendapatkan Doktor Panel dan Pasukan Sokongan Kesihatan?

Syarikat boleh mendapatkan doktor panel daripada Protect Health Corporation. Manakala petugas kesihatan akan disediakan oleh syarikat atau pengurus PPVIN masing-masing. Bagi syarikat yang mempunyai klinik panel dan syarikat ingin supaya suntikan vaksin ini dilaksanakan oleh klinik panel masing-masing, klinik panel syarikat hendaklah berdaftar di bawah Protect Health Corporation.

14. Di manakah saya boleh mendapatkan sukarelawan dan pasukan sokongan bukan kesihatan?

Sukarelawan dan barisan sokongan bukan kesihatan boleh terdiri daripada staf sendiri, NGO, sukarelawan dari luar dan sebagainya.

15. Berapa besar saiz sebuah Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN)?

Saiz atau kapasiti PPVIN adalah bergantung kepada jumlah penerima vaksin pada satu-satu lokasi dengan jumlah minimum penerima vaksin adalah 1,500 orang. Oleh demikian, persatuan atau syarikat adalah dinasihati supaya menyelaraskan maklumat pekerja bersama KPDNHEP. Contoh saiz PPVIN juga boleh rujuk kepada **Lampiran B**.

16. Apakah lagi fasiliti yang perlu disediakan semasa penubuhan PPVIN?

Ambulans, tempat penyimpanan vaksin, pengurusan sisa pepejal dan segala kelengkapan untuk lima (5) stesen iaitu : alat penyukat suhu, kaunter pendaftaran, ruang menunggu giliran, stesen pemberian vaksin, ruang pemerhatian.

17. Adakah PPVIN cadangan mesti berhampiran dengan hospital?

Perkara ini juga akan diberi pertimbangan semasa penilaian kertas cadangan. Syarikat yang berminat menubuhkan PPVIN hendaklah memberi kertas cadangan yang terperinci termasuk pelan lantai dan pelan kawasan supaya tindakan segera boleh diambil semasa berlaku kecemasan.

18. Apakah waktu operasi PPVIN yang dibenarkan?

Bermula pada jam 9 Pagi hingga 10 Malam.

19. Adakah penerima vaksin bawah RiVAC dibenarkan merentas negeri untuk temu janji?

TIDAK BOLEH. Oleh demikian maklumat yang diminta oleh KPDNHEP adalah amat penting untuk tujuan penyelarasan. Semua maklumat yang diminta perlu lengkap diisi mengikut format yang telah diberikan.

20. Di manakah saya boleh memperolehi SOP Keselamatan dan Pengoperasian PPVIN?

Syarikat yang berminat untuk menubuhkan PPVIN perlu mencadangkan SOP berkaitan dan dihantar kepada KPDNHEP untuk penyelarasan.

21. Siapakah yang akan menguruskan penghantaran vaksin ke tempat penyimpanan vaksin yang telah disediakan oleh PPVIN?

Protect Health Corporation.

22. Adakah PPVIN perlu menyediakan bekalan makanan dan minuman kepada petugas di PPVIN?

Bergantung kepada jawatankuasa PPVIN masing-masing.

23. Berapakah bilangan doktor, jururawat dan kumpulan pengurusan yang diperlukan dalam pengurusan PPVIN?

Bilangan petugas kesihatan seperti doktor dan jururawat akan diuruskan oleh Protech Health Corporation berdasarkan bilangan penerima dos di PPVIN. Sila rujuk **Lampiran B**.

Bilangan kumpulan pengurusan seperti petugas/sukarelawan bukan kesihatan dan anggota keselamatan perlu disediakan secukupnya berdasarkan kapasiti optimum bagi setiap PPVIN.

24. Berapakah durasi 'shift' petugas PPVIN?

Digalakkan diselaraskan kepada 2 *shift*; 9 pagi hingga 6 petang dan 1 petang hingga 10 malam.

25. Adakah terdapat keperluan penyimpanan vaksin di PPVIN?

Penganjur PPVIN perlu menyediakan peti sejuk penyimpanan vaksin berdasarkan spesifikasi Protech Health Corporation dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

26. Adakah kemudahan IT yang diperlukan bagi PPVIN?

Komputer riba yang mencukupi, sistem PA, rangkaian internet yang kuat serta peranti-peranti lain yang diperlukan oleh Protech Health Corporation.

27. Adakah PPVIN perlu menyediakan *brochure/handout*?

Brochure dan *handout* akan disediakan oleh Protech Health Corporation.

28. Berapakah jumlah penerima vaksin bagi setiap hari?

Jumlah penerima vaksin di PPVIN perlu diselaraskan seramai 1,000 - 1,500 orang sehari. Pihak penganjur PPVIN perlu bersedia untuk menerima senarai penerima vaksin tambahan dari pihak KPDNHEP.

29. Adakah yang akan berlaku jika seseorang individu mempunyai temu janji lebih awal di PPVIN awam sebelum sebelum PPVIN?

Individu tersebut berhak memilih program vaksinasi yang bersesuaian dengan lokasi semasa individu tersebut berada. Walaubagaimanapun, tiada pembayaran balik (*reimbursement*) kepada syarikat.

30. Jika penerima vaksin tidak dapat hadir di PPVIN kerana telah pergi ke temujanji vaksin di PPVIN awam, adakah PPVIN perlu menguruskan lebih stokvaksin?

Setiap PPVIN mempunyai senarai menunggu daripada KPDNHEP yang terdiri daripada syarikat sektor peruncitan. Penyelia PPVIN perlu melakukan penyelarasan selanjutnya bersama KPDNHEP dan CITF untuk penyelarasan selanjutnya.

31. Setelah semua pekerja syarikat PPVIN mendapat vaksin, adakah PPVIN perlu menguruskan pemberian vaksin bagi syarikat peruncitan yang lain?

Ya. Syarat PPVIN adalah syarikat perlu menyelaras pemberian vaksin kepada syarikat peruncitan yang lain. Penyelarasan berterusan perlu dilakukan dengan syarikat terlibat dengan kerjasama KPDNHEP, CITF dan Protech Health Corporation.

32. Berapakah durasi yang diperlukan untuk persiapan PPVIN?

Jangka masa yang diperlukan adalah 7 - 10 hari selepas kelulusan Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI).

- 33. Adakah latihan akan disediakan bagi petugas bukan kesihatan di PPVIN?**
Ya. Latihan akan diberikan oleh Protech Health Corporation setelah mendapat kelulusan MOSTI.
- 34. Apakah tatacara pengurusan bagi penerima vaksin yang hadir lambat ke PPVIN?**
Penerima vaksin yang hadir lambat perlu berurusan dengan Penyelia di tempat PPVIN untuk penyelarasan selanjutnya.
- 35. Adakah penerima vaksin boleh membawa pengiring?**
Hanya penerima vaksin yang kurang upaya sahaja dibenarkan membawa pengiring.

SOALAN CAJ

- 36. Berapa kadar bayaran untuk RiVAC?**

Vaksin adalah percuma. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memberikan vaksin secara percuma kepada PPVIN. Namun memandangkan program ini adalah berasaskan Kerjasama - Awam Swasta penganjur akan mengenakan kos pentadbiran bagi pengoperasin PPVIN. Kadar bayaran yang dikenakan dibawah RiVAC adalah seperti berikut:


Kos	Caj / Dos Suntikan	Kos (RM)
Pemberian vaksin (Protect Health)	RM15.00 x 2	30.00
Logistik dan pentadbiran	RM10.00 x 2	20.00
JUMLAH		50.00

- 37. Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya terdapat pertanyaan lanjut?**
Sila berhubung dengan KPDNHEP melalui Sekretariat Vaksin KPDNHEP di talian hotline 03-8882 5903/5881 atau melalui emel kepada rov@kpdnhep.gov.my

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

19 Julai 2021

LAMPIRAN A



LAMPIRAN B

Kategori Pusat Pemberian Vaksin (PPVIN)	Bilangan Stesen Konsultansi & Kebenaran (Bil. Petugas Kesihatan)	Bilangan Stesen Pemberian Vaksin (Bil. Petugas Kesihatan)	Bilangan penerima suntikan sehari di setiap PPVIN (20/jam)
PPVIN JENIS 1	1 (4 petugas)	1 (2 petugas)	200
PPVIN JENIS 2	2 (8 petugas)	2 (4 petugas)	400
PPVIN JENIS 3	3 (12 petugas)	3 (6 petugas)	600
PPVIN JENIS 4	4 (16 petugas)	4 (8 petugas)	800
PPVIN JENIS 5	5 (20 petugas)	5 (10 petugas)	1,000
PPVIN JENIS 6	6 (20 petugas)	6 (12 petugas)	1,200
PPVIN JENIS 7	7 (20 petugas)	7 (14 petugas)	1,400
PPVIN JENIS 8	8 (20 petugas)	8 (16 petugas)	1,600

Masa Operasi:

- *Isnin hingga Jumaat: 9.00 pagi – 10 mlm (10jam); klien terakhir diterima pada pukul 8.00 mlm*
- *Sabtu dan Ahad : 9.00 pagi – 5.00 petang (8 jam); klien terakhir diterima jam 4.00 ptg*

Nota: Pemilihan kategori PPVIN dan masa operasi bergantung kepada kapasiti di setiap lokasi, populasi yang perlu disuntik dan bekalan vaksin yang diterima di daerah.